

**MODUL  
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN  
SPM 2019**

**MPP 3**

**PRINSIP PERAKAUNAN  
KERTAS 1**

NAMA : .....

KELAS : .....

DIBLAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting dan mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini  
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

- 1 Encik Haris, pemilik Perabot Haris telah merekodkan ambilan satu set sofa untuk kegunaan rumahnya ke dalam Akaun Ambilan.

Apakah andaian perakaunan yang diamalkan oleh Encik Haris?

- A Ketekalan
  - B Prinsip kos
  - C Entiti berasingan
  - D Usaha berterusan
- 2 Pernyataan manakah yang merupakan ciri Pasar Mini Dayini?
- A Liabiliti pemilik tidak terhad
  - B Modal disumbangkan oleh pekongsi
  - C Dikenakan cukai atas keuntungan perniagaan
  - D Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pekongsi
- 3 Antara berikut, yang manakah benar tentang peraturan merekod urus niaga ke dalam lejar?
- A Aset didebitkan apabila berkurang
  - B Hasil didebitkan apabila bertambah
  - C Liabiliti dikreditkan apabila bertambah
  - D Ekuiti pemilik didebitkan apabila bertambah

4. Urus niaga berikut telah berlaku dalam Perniagaan Megat Maju:

Terima cek daripada Encik Aliff RM2 200 bagi menjelaskan hutangnya RM2 300

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap aset dan ekuiti pemilik?

	Bank RM	Akaun Belum Terima RM	Modal RM
A	2 300	(2 200)	100
B	2 200	(2 300)	(100)
C	2 300	2 200	100
D	2 200	2 300	(100)

5 Antara dokumen berikut, yang manakah digunakan untuk merekod ke dalam Buku Tunai?

- I Invois
- II Nota Kredit
- III Keratan Cek
- IV Resit Rasmi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6 Dokumen 1 diambil daripada Deela Electrical & Trading, pembekal peralatan elektrik.

<p><b>Deela Electrical &amp; Trading</b>                  K-25 , Jalan Besar,                  23100 Paka, Dungun, Terengganu</p>	<p>Tarikh: 4 Julai 2019</p>
<p><b>MEMO</b></p> <div style="border: 2px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: 80%;"> <p><b>Rekodkan:</b>                      Pemilik mengambil 8 pembakar roti dan 4 seterika elektrik berkost RM2 200.00 untuk hadiah cabutan bertuah.</p> </div> <p style="text-align: right; margin-top: 20px;"><i>Deela</i>                      Tandatangan Pengurus</p>	

Dokumen 1

Apakah catatan lejar untuk merekod urus niaga tersebut?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Akaun Ambilan RM2 200	Akaun Inventori RM2 200
B	Akaun Inventori RM2 200	Akaun Ambilan RM2 200
C	Akaun Ambilan RM2 200	Akaun Promosi RM2 200
D	Akaun Promosi RM2 200	Akaun Belian RM2 200

- 7 Pilih padanan yang **betul** berkaitan dokumen sumber dan buku catatan pertama.

	Dokumen Sumber	Buku Catatan Pertama
A	Invois (asal)	Jurnal Jualan
B	Invois (salinan)	Jurnal Belian
C	Nota Debit (asal)	Jurnal Belian
D	Nota Kredit (asal)	Jurnal Pulangan Jualan

- 8 Akaun Kawalan Belum Terima bagi Kedai Alat Sukan Kimie adalah seperti berikut:

Akaun Kawalan Belum Terima					
2019		RM	2019		RM
Jun 1	Baki b/b	5 000	Jun 30	Bank	5 400
				Pulangan	200

Berapakah jualan kredit jika baki pada 1 Julai 2019 RM3 800?

- A RM8 800  
 B RM5 600  
 C RM4 400  
 D RM3 200
- 9 Antara berikut, akaun manakah yang terlibat dalam penyediaan Akaun Perdagangan?
- I Belian dan Jualan  
 II Inventori awal dan Inventori akhir  
 III Angkutan keluar dan pulangan masuk  
 IV Angkutan masuk dan pulangan keluar
- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV

- 10 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada Aimi Trading pada 30 Jun 2019:

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2019**

	Debit	Kredit
	RM	RM
Faedah atas simpanan		120
Komisen	200	160
Faedah atas pinjaman	360	

Catatan manakah yang betul dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019?

- A Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 (petikan)

Faedah atas simpanan	120	Komisen	160
Komisen	200	Faedah atas pinjaman	360

- B Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 (petikan)

Faedah atas simpanan	120	Komisen	200
Komisen	160	Faedah atas pinjaman	360

- C Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 (petikan)

Faedah atas pinjaman	360	Komisen	160
Komisen	200	Faedah atas simpanan	120

- D Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 (petikan)

Faedah atas pinjaman	360	Komisen	200
Komisen	160	Faedah atas simpanan	120

- 11 Sewa belum terperoleh dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai

- A Aset Semasa
- B Liabiliti Semasa
- C Aset Bukan Semasa
- D Liabiliti Bukan Semasa

- 12 Data 1 diambil daripada buku Perniagaan Najwa.

	<b>RM</b>
Jualan tunai	10 000
Jualan kredit	22 550
Pulangan masuk	150
Pulangan keluar	200

Data 1

Berapakah nilai jualan bersih yang direkodkan dalam Akaun Perdagangan?

- A RM32 550
  - B RM32 400
  - C RM32 350
  - D RM32 200
- 13 Data 2 diambil daripada Batrisya Enterprise pada 30 Jun 2019.

	<b>RM</b>
Untung kasar	16 200
Hutang lapuk terpulih	100
Kadar bayaran	350
Angkutan masuk	120
Angkutan keluar	400

Data 2

Berapakah untung bersih perniagaan?

- A RM15 690
  - B RM15 550
  - C RM15 430
  - D RM15 230
- 14 Pada 1 September 2018, Nusa Jaya Enterprise telah membayar premium insurans tahunan RM2 400. Tempoh perakaunan berakhir pada 30 Jun setiap tahun.

Berapakah insurans prabayar pada 30 Jun 2019?

- A RM200
- B RM400
- C RM600
- D RM800

- 15 Angkutan keluar RM250 telah tersilap rekod dalam Akaun Angkutan Masuk. Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

		Debit RM	Kredit RM
A	Angkutan Keluar Angkutan Masuk	250	250
B	Angkutan Masuk Angkutan Keluar	250	250
C	Angkutan Keluar Tunai	250	250
D	Angkutan Masuk Bank	250	250

- 16 Data 3 diperoleh daripada buku Perniagaan Nick pada 30 Jun 2019.

	RM
Akaun Belum Terima	19 500
Inventori pada 1 Julai 2018	8 500
Kenderaan	40 000
Akaun Belum Bayar	12 000
Inventori pada 30 Jun 2019	10 500
Overdraf bank	3 000

Data 3

Berapakah nisbah semasa Perniagaan Nick pada 30 Jun 2019?

- A 5.2 : 1  
 B 4.5 : 1  
 C 2.6 : 1  
 D 2 : 1
- 17 Apakah maksud kadar pusing ganti inventori yang rendah?
- I Kutipan hutang terlalu cepat  
 II Tukar ganti inventori terlalu kerap  
 III Pengurusan inventori tidak cekap  
 IV Penjualan barang niaga kurang laris
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 18 Data 4 diperoleh daripada buku perakaunan Ikhwan Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

	<b>RM</b>
Jualan	58 000
Sewa diterima	1 200
Belanja operasi	8 400
Pulangan jualan	200
Untung kasar	24 300

**Data 4**

Kirakan Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih).

- A 29.58%
  - B 29.48%
  - C 25.43%
  - D 25.34%
- 19 Data 5 diambil daripada Perniagaan Usaha Sakan pada 31 Mac 2019.

	<b>RM</b>
Modal pada 1 April 2018	60 000
Modal pada 31 Mac 2019	86 000
Modal tambahan	4 200
Ambilan	1 200

**Data 5**

Hitungkan untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 31 Mac 2019.

- A Untung bersih RM23 000
- B Untung bersih RM31 400
- C Rugi bersih RM23 000
- D Rugi bersih RM31 400



- 20 Data 6 diperoleh daripada buku Kedai Runcit Amar, sebuah perniagaan yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu pada 1 Januari 2019.

	<b>RM</b>
Alatan pejabat	5 200
Inventori	14 400
Akaun belum bayar	5 800
Bank overdraf	2 500
Akaun belum terima	6 500
Insurans prabayar	240

Data 6

Berapakah modal awal kedai tersebut?

- A RM21 160  
 B RM18 040  
 C RM17 560  
 D RM16 640
- 21 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diperoleh daripada Kedai Alatan Sukan Aliff pada 31 Mei 2019:

Buku Tunai (Ruangan Bank)

			<b>RM</b>
2019	Mei 16	Belian (No: Cek: 301120)	1 755

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2019 Mei 18	Cek	301120	1 775		

Cek yang dikeluarkan pada 16 Mei 2019 telah tersilap catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dilakukan dalam Buku Tunai untuk membetulkan kesilapan tersebut?

- A Debit RM20  
 B Kredit RM20  
 C Debit RM1 775  
 D Kredit RM1 775

22 Apakah yang menyebabkan baki akhir Buku Tunai berbeza dengan baki akhir Penyata Bank?

- A Akaun Belum Terima membuat bayaran terus ke akaun bank peniaga
- B Peniaga mendebitkan dividen yang diterima di ruangan bank dalam Buku Tunai
- C Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima telah dikreditkan oleh pihak bank
- D Pembayaran dengan cek kepada Akaun Belum Bayar telah didebitkan oleh pihak bank

23 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada Deana Enterprise:

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2019

	RM	RM	
<b>R</b>		400	
Tambah : Cek belum dikemukakan	900		
Dividen	200		
		1 100	
		1 500	
Tolak : Deposit belum dikreditkan	600		
Insurans	400		
		1 000	
<b>S</b>		500	

Apakah R dan S?

	R	S
A	Baki debit dalam Buku Tunai	Baki kredit dalam Penyata Bank
B	Baki kredit dalam Penyata Bank	Baki debit dalam Buku Tunai
C	Baki debit dalam Buku Tunai	Baki debit dalam Penyata Bank
D	Baki debit dalam Penyata Bank	Baki debit dalam Buku Tunai

24 Butiran manakah yang direkod dalam Penyata Bank yang menyebabkan berlakunya perbezaan baki antara Buku Tunai dan Penyata Bank.

- I Buku cek
- II Faedah atas overdraf
- III Deposit belum dikreditkan
- IV Cek belum dikemukakan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

25 Butiran manakah direkodkan sebagai pembayaran dalam Belanjawan Tunai?

- I Susut nilai
- II Alatan pejabat
- III Kadar bayaran
- IV Faedah atas pinjaman

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

26 Belanjawan Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan:

Belanjawan Tunai bagi dua bulan berakhir 30 September 2019

Butir	Ogos	September
	RM	RM
Baki b/b	4 000	Y
Jualan	12 000	15 000
Pinjaman		8 000
	12 000	23 000
Belian	7 800	8 600
Gaji	1 200	1 200
	9 000	9 800
Baki h/b	X	Z

Berapakah nilai Y?

- A RM3 000
- B RM7 000
- C RM21 000
- D RM25 000

27 Butiran manakah yang direkod di sebelah debit Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- I Gaji pekongsi
- II Faedah atas modal
- III Faedah atas ambilan
- IV Faedah atas pinjaman

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

28 Maklumat berikut diambil daripada Perkongsian Seri dan Suri pada 31 Disember 2018:

Modal Seri pada 1 Januari 2018 RM15 000. Pada 1 Oktober 2018, Seri membawa masuk komputer peribadinya RM2 400 ke dalam perniagaan. Faedah atas modal 6% setahun. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Berapakah faedah atas modal Seri?

- A RM900
- B RM924
- C RM936
- D RM1 044

29 Data 7 berkaitan dengan Akaun Semasa Nur, seorang pekongsi dalam Perkongsian An Nur pada 30 Jun 2019.

	RM
Baki pada 1 Julai 2018	500
Faedah atas modal	2 400
Faedah atas ambilan	75
Ambilan	2 500
Kongsi untung	1 500

Data 7

Berapakah baki akhir akaun tersebut?

- A RM3 825
- B RM1 975
- C RM1 825
- D RM975

30 Akaun manakah yang tidak akan dipindahkan ke Akaun Realisasi?

- |                      |                 |
|----------------------|-----------------|
| A Akaun Belum Terima | C Akaun Perabot |
| B Akan Inventori     | D Akaun Bank    |

31 Pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal pekongsi berbaki debit semasa pembubaran?

- I Untung realisasi
- II Ambilan yang sedikit
- III Sumbangan modal yang kecil
- IV Nilai aset yang diambil alih tinggi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

32 Petikan Akaun Realisasi berikut diperoleh semasa pembubaran Perkongsian Hakim dan Haziq:

<b>Akaun Realisasi</b>		
	<b>2019</b>	<b>RM</b>
Jun 30	Akaun Belum Bayar	350

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan pada 30 Jun 2019?

- A Baki akaun belum bayar yang belum dijelaskan semasa pembubaran
- B Jumlah diskaun yang diterima setelah penjelasan akaun belum bayar
- C Jumlah pembayaran yang dibuat kepada akaun belum bayar semasa pembubaran
- D Jumlah pembayaran kepada akaun belum bayar semasa pembubaran setelah ditolak diskaun

33 Apakah yang dimaksudkan dengan dividen interim?

- A Dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Biasa
- B Dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan
- C Dividen yang dibayar kepada pemegang syer sebelum keuntungan sebenar syarikat diketahui
- D Dividen yang dibayar kepada pemegang syer selepas keuntungan sebenar syarikat diketahui

34 Catatan lejar yang manakah benar untuk merekod terbitan Syer Biasa?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Akaun Modal Syer Biasa	Akaun Permohonan Syer Biasa
B	Akaun Permohonan Syer Biasa	Akaun Modal Syer Biasa
C	Akaun Bank	Akaun Modal Syer Biasa
D	Akaun Modal Syer Biasa	Akaun Bank

35 Apakah istilah yang digunakan untuk mewakili ekuiti pemilik Kelab Rekreasi Taman Uda Perdana?

- A Lebihan
- B Modal awal
- C Modal akhir
- D Dana terkumpul

36 Petikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berikut diambil daripada Persatuan Belia Wawasan pada 30 Jun 2019:

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019

	RM		RM
Kadar bayaran	1 680	Sewa peralatan	300
Surat khabar dan majalah	960	Yuran pertandingan	250
<b>P</b>	<b>260</b>	<b>Q</b>	<b>4 500</b>

Apakah P dan Q?

	P	Q
A	Belanja am	Yuran ahli
B	Yuran ahli	Alat tulis
C	Kutipan pesta ria	Belanja pesta ria
D	Yuran masuk	Gaji kerani

37 Apakah rumus bagi kos prima?

- A Kos bahan mentah + kos buruh langsung + kos overhead
- B Kos bahan mentah + kos buruh langsung – kos overhead
- C Kos bahan mentah + kos buruh langsung + belanja langsung
- D Kos bahan mentah + kos buruh langsung – belanja langsung

- 38 Data 8 diambil daripada Kilang Roti Yummy pada 30 Jun 2019.

	RM
Kerja dalam proses 1 Julai 2018	1 200
Kerja dalam proses 30 Jun 2019	2 000
Overhed	2 800
Bahan mentah	8 500
Buruh langsung	4 500

Data 8

Hitungkan kos pengeluaran.

- A RM9 400  
B RM13 400  
C RM15 000  
D RM16 600
- 39 Antara berikut, yang manakah kos tetap bagi Kilang Elektronik Paka Jaya?
- A Angkutan masuk bahan langsung dan kadar bayaran kilang  
B Upah operator pengeluaran dan gaji pengurus kilang  
C Belian bahan langsung dan alat tulis kilang  
D Gaji penyelia kilang dan insurans kilang
- 40 Data 9 diambil daripada Kilang Batik Serai yang beroperasi di Pulau Serai Dungun.

	RM
Kos tetap	8 000
Harga jualan (100 helai)	3 000
Kos berubah (100 helai)	1 800

Data 9

Berapakah margin caruman seunit?

- A RM80  
B RM30  
C RM18  
D RM12

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**